

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT STANDARD ROTORK

PEMBELIAN BARANG

1. TAFSIRAN

Definisi dan peraturan-peraturan tafsiran yang dinyatakan dalam Jadual 1 (Tafsiran) terpakai pada Kontrak.

2. KEPAKAIAN

GCP ini akan terpakai dengan pengecualian sebarang terma dan syarat perniagaan yang lain yang terkandung atau dirujuk dalam sebarang dokumen yang dikeluarkan oleh Pembekal kepada Pembeli (termasuk mana-mana: pengakuan atau bentuk penerimaan yang lain; sebut harga; nota penghantaran; borang standard; atau cadangan) atau terma dan syarat yang tersirat dari adat atau amalan perdagangan atau sebarang aliran urusan antara Pihak-pihak, melainkan sekiranya terma-terma dan syarat-syarat tersebut secara tersurat dinyatakan dalam Pesanan akan terpakai.

3. PENGHANTARAN

- 3.1 Pembekal akan menghantar Barang atas dasar DDP (Incoterms 2010) ke lokasi yang dinyatakan dalam Pesanan bersama dengan nota penghantaran yang menyatakan tarikh pesanan, nombor pesanan, jenis dan kuantiti barang-barang (termasuk sebarang nombor-nombor kod), arahan penyimpanan khas dan sebarang dokumentasi atau maklumat yang lain yang diperlukan oleh Kontrak. Sekiranya Pembekal memerlukan bahan pembungkusan untuk dikembalikan kepadanya, ini mestilah dinyatakan dengan jelas pada nota penghantaran. Sebarang bahan pembungkusan akan dikembalikan atas kos Pembekal melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Pesanan.
- 3.2 Tarikh untuk Penghantaran ("**Tarikh Penghantaran Yang Dijadualkan**") adalah tarikh yang dinyatakan dalam Pesanan. Penghantaran mesti dilakukan semasa waktu perniagaan biasa Pembeli.
- 3.3 Pembeli boleh, mengikut budi bicara tunggalnya, memerlukan Pembekal untuk menangguh Penghantaran Barang atau menggantungkan semua pelaksanaan bawah Kontrak untuk tempoh sehingga tiga bulan.
- 3.4 Pembekal akan memastikan bahawa hakmilik ke atas Barang dipindah kepada Pembeli pada Penghantaran dengan jaminan hakmilik yang penuh dan bebas daripada semua Kepentingan Sekuriti.

4. HARGA DAN PEMBAYARAN

- 4.1 Harga untuk Barang dan mata wang untuk pembayaran akan ditetapkan di dalam Pesanan. Sekiranya tiada harga ditetapkan dalam Pesanan, harganya adalah harga terakhir yang disebut secara bertulis oleh Pembekal kepada Pembeli dan, sekiranya Pembekal belum lagi menyebut harga secara bertulis kepada Pembeli, maka harga Barang adalah harga yang diterbitkan dalam senarai harga Pembekal yang berkuatkuasa pada tarikh Pesanan.
- 4.2 Harga-harga adalah tidak termasuk cukai barang dan perkhidmatan atau sebarang cukai yang serupa ("**GST**") yang perlu dibayar dalam negara di mana Pembeli diperbadankan tetapi termasuk semua cukai, duti dan levi lain. Sekiranya GST perlu dibayar dalam negara di mana Pembeli diperbadankan, ia akan dikenalpasti secara berasingan pada invoice dan perlu dibayar oleh Pembeli tertakluk kepada pematuhan oleh Pembekal dengan kewajipannya bawah fasal 4.3 dan tanpa prejudis kepada fasal 4.4 di bawah, seperti yang terpakai.
- 4.3 Pembekal akan mengemukakan invoice (yang merupakan invoice GST yang sah di mana bersesuaian) kepada Pembeli selepas tarikh yang terkemudian daripada Tarikh Penghantaran Yang Dijadualkan atau Penghantaran semula Barang. Pembekal akan mematuhi sebarang arahan Pembeli yang munasabah bersehubungan dengan format invoice dan akan memasukkan pada invoice nombor Pesanan dan pecahan harga yang penuh (dengan maklumat yang mencukupi untuk membolehkan Pembeli untuk mengesahkan harga).
- 4.4 Dengan syarat Barang adalah bebas dari Kecacatan dan dengan syarat invoice dikemukakan mengikut Kontrak, maka Pembeli akan membuat bayaran kepada Pembekal pada tarikh yang jatuh pada 60 hari selepas akhir bulan kalendar di mana Pembeli menerima invoice Pembekal. Sekiranya hari itu bukan hari bekerja di tempat perniagaan Pembeli, maka bayaran akan dibuat pada hari bekerja yang berikutnya di tempat perniagaan Pembeli. Sekiranya Barang didapati mempunyai Kecacatan sebelum pembayaran dibuat, Pembeli berhak untuk sama ada:
- (a) memegang bayaran untuk Barang tersebut sehingga Kecacatan itu diperbetulkan mengikut fasal 7.1
 - (b) tidak membuat bayaran untuk Barang tersebut setakat fasal 7.2 (c) terpakai untuk mengurangkan harga Barang yang berkenaan kepada kosong atau kurang daripada sebarang jumlah yang telah dibayar; atau
 - (c) mendapat Barang dari sumber lain mengikut fasal 7.2 (e).
- 4.5 Pembeli berhak untuk menolak sebarang liabiliti (termasuk amaun-amaun yang telah diinvoice yang belum sampai masa untuk dibayar) yang terhutang olehnya kepada Pembekal daripada mana-mana liabiliti Pembekal atau mana-mana Syarikat-syarikat Sekutu Pembekal kepada Pembeli atau mana-mana Syarikat-syarikat Sekutu Pembeli bawah Kontrak atau sebarang perjanjian yang lain.
- 4.6 Sekiranya Pembekal tidak menerima sebarang jumlah yang tidak dipertikaikan yang dihutang oleh Pembeli bawah Kontrak pada tarikh tamat (seperti yang ditetapkan dalam fasal 4.4 di atas), Pembekal akan berhak untuk mengenakan faedah ke atas semua jumlah yang tertunggak yang tidak dipertikaikan pada kadar 3% setahun atas Kadar Dasar, terkumpul pada dasar yang asas dari hari jumlah itu menjadi tertunggak dan berakhir pada hari bayaran diterima dengan sepenuhnya oleh Pembekal.

5. KUALITI

- 5.1 Pembekal akan mematuhi dengan sepenuhnya sebarang keperluan kualiti yang dinyatakan dalam atau dirujuk dalam Pesanan dan sebarang keperluan kualiti yang munasabah yang dimaklumkan oleh Pembeli kepada Pembekal dari semasa ke semasa.
- 5.2 Pembekal akan memastikan bahawa semua Barang adalah baru dan tidak pernah diguna pada Penghantaran.

- 5.3 Pembekal tidak akan mengubah, sebelum penghantaran Barang:
 - (a) bahan yang digunakan dalam Barang;
 - (b) spesifikasi Barang; atau
 - (c) proses-proses yang digunakan untuk membuat Barang,
 tanpa persetujuan yang bertulis yang terlebih dahulu daripada Pembeli. Pembekal tidak akan mengubah lokasi di mana Barang dibuat atau dipasang tanpa memaklumkan Pembeli terlebih dahulu.

6. JAMINAN

- 6.1 Pembekal mewakili dan memberi jaminan kepada Pembeli bahawa setiap Barang akan, pada dan selepas Penghantarannya:
- (a) mematuhi dan melaksana dengan sepenuhnya mengikut keperluan Kontrak, termasuk sebarang spesifikasi yang dirujuk dalam atau dilampirkan pada Pesanan;
 - (b) sesuai untuk sebarang tujuan yang dinyatakan dalam Pesanan (sama ada secara tersurat atau tersirat);
 - (c) bebas daripada sebarang Kecacatan (sama ada benar atau tersembunyi) dalam mutu kerja dan bahan semasa Tempoh Jaminan; dan
 - (d) di mana Pembeli tidak bertanggungjawab untuk reka bentuk Barang, bebas dari Kecacatan (sama ada benar atau tersembunyi) dalam reka bentuk semasa Tempoh Jaminan.

7. REMEDI UNTUK KECACATAN

- 7.1 Sekiranya Barang mempunyai Kecacatan maka Pembeli boleh (tertakluk kepada fasal 7.2 (a)) mengarah Pembekal untuk memperbetulkan Kecacatan (dengan membaiki atau mengganti Barang) dalam tempoh masa yang diperlukan oleh Pembeli dan atas kos Pembekal (kos tersebut termasuk sebarang kos pengangkutan dan sebarang kos yang lain yang ditanggungi oleh Pembeli yang tidak sepatutnya ditanggung tetapi untuk Kecacatan) ("**Arahan Pembetulan**"). Pembekal akan dengan segera melaksanakan mengikut Arahan Pembetulan tersebut atau memaklumkan Pembeli sekiranya ia percaya ia tidak dapat berbuat demikian.

- 7.2 Sekiranya:
- (a) Pembeli (mengikut budi bicaranya yang tunggal dan mutlak) tidak percaya ianya wajar bagi Pembekal untuk memperbetulkan Kecacatan;
 - (b) Pembekal tidak (atau memaklumkan Pembeli bahawa ia tidak akan dapat) dengan berjaya memperbetulkan Kecacatan mengikut Arahan Pembetulan,
- maka Pembeli dapat, tanpa prejudis kepada sebarang hak atau remedи yang ia mungkin ada:
- (c) menyelaraskan harga Kontrak dengan jumlah yang ditentukan oleh Pembeli mengikut budi bicaranya yang tunggal dan mutlak, untuk mencerminkan penilaian Pembeli terhadap tahap dan impak Kecacatan (pelarasan sedemikian boleh digunakan untuk mengurangkan harga Barang (dan sebarang Barang yang lain yang Pembeli tidak dapat guna seperti yang diniatkan akibat Kecacatan Barang) sehingga kosong);
 - (d) memperbetulkan atau mengatur untuk pembetulan Kecacatan tersebut pada kos Pembekal; atau
 - (e) mendapat Barang dan sebarang Barang yang lain (atau apa-apa barang yang bersamaan) yang Pembeli tidak dapat guna seperti yang diniatkan akibat Kecacatan Barang, dari sumber-sumber alternatif untuk memenuhi keperluan Pembeli, pada kos Pembekal.

Setakat mana yang Pembeli menurunkan harga Kontrak bawah sub-fasal (c) di atas kepada jumlah yang lebih rendah daripada jumlah harga untuk Barang tersebut yang telah dibayar kepada Pembekal, Pembekal akan membayar balik Pembeli perbezaan antara harga yang dibayar dan harga yang diselaraskan, dalam tempoh masa 14 hari dari tarikh Pembeli memberi invois kepada Pembekal untuk jumlah tersebut. Setakat mana yang Pembeli menanggung kos-kos bawah sub-fasal (d) dan (e) di atas, Pembekal akan membayar balik Pembeli dalam tempoh masa 14 hari dari tarikh Pembeli memberi invois kepada Pembekal untuk kos tersebut.

- 7.3 Sekiranya Pembeli memaklumkan Pembekal bahawa ia telah sama ada menurunkan harga apa-apa Barang kepada kosong bawah fasal 7.2 (c) atau telah memperoleh Barang alternatif dari tempat yang lain bawah fasal 7.2 (e), Pembekal akan mengutip Barang yang berkenaan, pada kos tunggal pembekal, dari Pembeli dalam tempoh masa 30 hari dan risiko serta hakmilik kepada Barang akan dipindah kepada Pembekal pada pengumpulan. Sekiranya Pembekal tidak mengumpul Barang dalam tempoh masa 30 hari, Pembeli berhak untuk melupuskan Barang pada kos Pembekal. Sekiranya Pembeli melaksanakan haknya bawah fasal 7.1, risiko dalam Barang akan dipindah kepada Pembekal pada pengumpulan dan dipindah balik kepada Pembeli pada Penghantaran semula.

8. HARTA PEMBELI

- 8.1 Pembekal adalah bertanggungjawab dengan sepenuhnya untuk sebarang kerugian, atau kerosakan kepada, sebarang Harta Pembeli. Pembekal akan sentiasa mengekalkan Harta Pembeli dalam keadaan yang baik (kelusuhan dan kehausan yang wajar dikecualikan), menginsurangkan Harta Pembeli (pada kos penggantian yang penuh) dengan syarikat insurans yang bereputasi baik (dengan semua kerugian boleh dibayar kepada Pembeli) dan memastikan bahawa Harta Pembeli jelas dikenalpasti sebagai harta kepunyaan Pembeli. Pembekal akan mengekalkan rekod-rekod yang mencukupi mengenai Harta Pembeli dan akan menyimpan sebarang buku log, rekod (termasuk rekod penyelenggaraan atau penggunaan) dan sebarang dokumen yang lain yang berkaitan dengan Harta Pembeli, dengan maklumat yang terkini. Pembekal tidak akan menggunakan Harta Pembeli kecuali untuk tujuan Kontrak atau melupuskan Harta Pembeli tanpa kebenaran secara bertulis daripada Pembeli.

- 8.2 Pembekal akan memberi kepada Pembeli senarai Harta Pembeli dan lokasi Harta Pembeli tersebut dengan segera atas permintaan Pembeli. Pembekal akan dengan segera mematuhi sebarang arahan Pembeli untuk mengembalikan kepada Pembeli sebarang Harta Pembeli dan sebarang maklumat atau data yang lain kepunyaan Pembeli.

9. FORCE MAJEURE

- 9.1 Tertakluk kepada pematuhan Pihak yang terjejas dengan fasal 9.2 dan 9.3, tempoh masa yang ditetapkan untuk pelaksanaan kewajipan mana-mana Pihak dalam Kontrak akan dilanjutkan selama tempoh yang bersamaan dengan tempoh di mana pelaksanaan tersebut dihalang oleh Peristiwa Force Majeure.
- 9.2 Pihak yang terjejas akan menggunakan semua usaha yang munasabah untuk mengurangkan kesan Peristiwa Force Majeure.
- 9.3 Sekiranya berlaku Peristiwa Force Majeure yang akan atau mungkin menghalang pelaksanaan kewajipan Pihak bawah Kontrak dengan tepat pada masanya, Pihak yang terjejas akan memaklumkan Pihak yang lain secepat mungkin dan dalam apa jua keadaan dalam tempoh masa lima hari dari permulaan Peristiwa Force Majeure dan akan memberi butir-butir lengkap mengenai Peristiwa Force Majeure, kesan yang dijangka dan langkah-langkah yang dicadang oleh Pihak yang terjejas untuk mengurangkan kesannya.
- 9.4 Sekiranya Pembeli menerima pemberitahuan daripada Pembekal bawah fasal 9.3 atau sekiranya Pembeli dengan semunasabahnya percaya bahawa suatu Peristiwa Force Majeure telah berlaku yang akan atau mungkin menghalang pelaksanaan kewajipan Pembekal bawah Kontrak dengan tepat pada masanya, Pembeli boleh dengan segera, dengan memberi notis yang bertulis kepada Pembekal, membatal pesanannya bawah Kontrak bersehubungan dengan beberapa atau semua Barang. Sekira berlakunya pembatalan tersebut Pembekal akan membayar balik Pembeli sebarang jumlah yang telah dibayar oleh Pembeli untuk Barang tersebut yang dibatalkan sebelum pembatalannya dan kedua-dua Pihak tidak akan mempunyai sebarang liabiliti yang lain sesama pihak berkenaan dengan pembatalan tersebut. Fasal 11 tidak terpakai bagi sebarang pembatalan yang dibuat bawah fasal 9.4.

10. PEMBEKALAN MAKLUMAT DAN HAK-HAK PEMERIKSAAN

10.1 Pembeli boleh, mengikut budi bicara mutlaknya dan pada bila-bila masa sebelum penamatan Kontrak atau Penghantaran atau pembatalan semua Barang, memeriksa atau mencalonkan pelanggan Pembeli, badan pengawalan atau pihak ketiga yang bebas untuk memeriksa:

- (a) premis-premis Pembekal di mana sebarang kerja yang berkaitan dengan Kontrak, telah atau akan dilaksanakan, termasuk sebarang perkakas atau peralatan yang digunakan bersehubungan dengan pembekalan Barang;
- (b) sebarang proses, dasar, sistem atau rancangan yang digunakan oleh Pembekal bersehubungan dengan pembekalan Barang;
- (c) sebarang bahan yang telah diguna, atau yang akan diguna oleh Pembekal bersehubungan dengan pembekalan Barang;
- (d) Barang tersebut, tidak kira apa tahap Barang tersebut berada dalam proses pembuatan atau pemasangan; dan
- (e) sebarang maklumat kewangan Pembekal, termasuk sebarang laporan tahunan, akaun interim atau akaun pengurusan bulanan, setakat mana maklumat kewangan itu adalah berkaitan dengan pematuhan Pembekal dengan Kontrak,

dan Pembekal akan bekerjasama dengan sepenuhnya dengan Pembeli untuk memastikan bahawa Pembeli atau, seperti yang terpakai, pelanggan Pembeli, badan pengawalan atau pihak ketiga yang bebas dapat menjalankan dan menyempurnakan pemeriksaan sedemikian dengan segera dan kepada kepuasan Pembeli.

10.2 Sekiranya Pesanan tersebut menetapkan ujian-ujian tertentu yang perlu dijalankan pada Barang sebelum Penghantaran, Pembekal akan seboleh-bolehnnya memberi Pembeli notis yang mencukupi, tidak kurang dari 14 hari dalam apa jua keadaan, untuk membolehkan Pembeli untuk menjalankan ujian-ujian sedemikian.

10.3 Pembeli akan selalunya memberi Pembekal notis yang bertulis yang munasabah mengenai niatnya untuk melaksanakan haknya bawah fasal 10.1, walaubagaimana pun, Pembeli mengekalkan, atas budi bicara mutlaknya, hak untuk menjalankan pemeriksaan tanpa notis terlebih dahulu kepada Pembekal.

10.4 Sekiranya sebarang pemeriksaan diperlukan oleh Pembeli bawah fasal 10.1 akibat daripada keimbangan munasabah yang berkaitan dengan keupayaan Pembekal untuk melaksanakan kewajipannya, Pembekal akan bertanggungjawab untuk kos-kos pemeriksaan tersebut.

10.5 Sekiranya Pembeli mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai Pembekal mungkin tidak dapat melaksanakan kewajipannya bawah Kontrak, Pembeli boleh memerlukan Pembekal untuk memberi keterangan yang bertulis, kepada kepuasan Pembeli, bahawa Pembekal dapat memenuhi kewajipannya bawah Kontrak, dalam tempoh masa 14 hari dari permintaan Pembeli.

10.6 Sekiranya Pembekal berada di bawah, atau percaya ia akan berada di bawah, Kawalan secara langsung atau tidak langsung entiti yang tidak sedia ada mempunyai Kawalan atas Pembekal pada Tarikh Berkuatkuasa, maka tertakluk kepada kewajipan kerahsiaan yang dikenakan oleh Undang-undang, Pembekal akan segera memaklumkan Pembeli dengan butir-butir yang penuh berkaitan entiti tersebut.

10.7 Sebarang pemeriksaan yang dijalankan oleh Pembeli, pelanggan Pembeli, badan pengawalan atau pihak ketiga yang bebas mengikut fasal ini tidak akan menyiratkan penerimaan Barang atau sebarang pengecualian daripada kewajipan Pembekal.

10.8 Pembekal akan, atas permintaan, dengan segera memberi Pembeli sebarang sijil-sijil pengesahan asal usul berkenaan dengan sebarang Barang atau sebahagian daripada sebarang Barang.

11. PEMBATALAN

11.1 Dengan syarat Barang belum lagi dihantar kepada Pembeli, Pembeli boleh pada bila-bila masa, dengan memberi notis yang bertulis kepada Pembekal, membatal pesanannya bawah Kontrak bersehubungan dengan beberapa atau semua Barang, di mana selepas pembatalan tersebut Pembekal akan dengan segera memberhentikan semua kerja yang berkaitan dengan Barang yang dibatal dan akan memastikan bahawa subkontraktor-subkontraktor serta pembekal-pembekalnya akan dengan segera memberhentikan semua kerja berkenaan dengan Barang yang dibatalkan tersebut.

- 11.2 Tertakluk kepada fasal 11.3, sekiranya Pembeli melaksanakan hak pembatalannya bawah fasal 11.1 di atas, Pembekal akan membayar balik kepada Pembeli dengan sepenuhnya sebarang bayaran yang dibuat berkenaan dengan Barang yang dibatalkan yang dibuat terlebih dahulu sebelum Penghantaran mereka dan Pembeli akan membayar kepada Pembekal dengan penyelesaian penuh dan muktamad semua tuntutan yang timbul daripada pembatalan tersebut:
- (a) sebarang kos langsung yang Pembekal dapat tunjukkan dengan munasabah dan sewajarnya telah ditanggungi olehnya berkenaan dengan Barang yang dibatalkan sehingga tarikh pembatalan; dan
 - (b) sebarang kos yang ditanggung oleh Pembekal, yang Pembekal belum dapat semula bawah sub-fasal (a) atau melalui sebarang pembayaran lain yang telah dibuat dan yang mana Pembekal mampu membuktikannya secara munasabah dan sewajarnya telah ditanggungi olehnya akibat yang langsung daripada pembatalan Barang, dengan syarat bahawa jumlah amanah yang kena dibayar kepada Pembekal oleh Pembeli bawah fasal 11.2, dalam apa jua keadaan tidak akan melebihi jumlah harga Barang yang dibatalkan.
- 11.3 Pembekal hendaklah mengemukakan tuntutan penuhnya bawah fasal 11.2 kepada Pembeli dalam tempoh masa 60 hari dari tarikh pembatalan. Sekiranya Pembekal gagal mengemukakan tuntutan penuhnya bawah fasal 11.2 dalam tempoh masa 60 hari itu, hak Pembekal untuk membuat tuntutan sedemikian akan loput dan Pembeli tidak akan bertanggungjawab untuk liabiliti yang timbul daripada pembatalan yang berkenaan.
- 11.4 Sekiranya Pembeli telah melaksanakan hak untuk membatalkan Barang yang tertunggak bawah fasal 11.1 dan Pembeli telah membuat pembayaran kepada Pembekal bawah fasal 11.2, Pembeli berhak untuk, atas budi bicara mutlaknya, memerlukan Pembekal untuk menyerah kepada Pembeli: semua kerja dalam proses; dan sebarang bahan yang diberi oleh Pembekal, bersehubungan dengan Barang yang telah dibatalkan.

12. PENAMATAN ATAS SEBAB KETIDAKPATUHAN

- 12.1 Pembeli boleh menamatkan Kontrak secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya dengan segera dengan memberi notis yang bertulis kepada Pembekal sekiranya:
- (a) sekiranya Pembekal mengalami Peristiwa Insolvensi;
 - (b) sekiranya Pembekal menjadi Syarikat Sekutu kepada Pesaing;
 - (c) sekiranya Pembekal tidak mematuhi fasal 3.2, 3.4, 10.1, 10.5, 13, 14, 15 atau 17
 - (d) sekiranya, bersehubungan dengan sebarang perjanjian lain antara Pembeli atau sebarang Syarikat Sekutu Pembeli dan Pembekal atau Syarikat Sekutu Pembekal, Pembeli atau Syarikat Sekutu Pembeli mempunyai hak untuk menamatkan perjanjian sedemikian berikut pelanggaran perjanjian tersebut oleh Pembekal atau Syarikat Sekutu Pembekal; atau
 - (e) sekiranya Pembekal melanggar mana-mana fasal lain dalam Kontrak ini dan (sekiranya pelanggaran tersebut boleh diperbetulkan) tidak memperbetulkan pelanggaran tersebut dalam tempoh masa 30 hari dari penerimaan daripada Pembeli suatu permintaan yang bertulis untuk memperbetulkan pelanggaran tersebut.
- 12.2 Pada penamatkan mengikut fasal 12.1, Pembekal akan, sekiranya diperlukan oleh Pembeli untuk berbuat demikian, dengan segera memberi Pembeli, dan memberi lesen kepada Pembeli, (dan sebarang pihak ketiga yang dilibatkan oleh Pembeli untuk menyempurnakan Barang) untuk mengguna, semua reka bentuk, dokumentasi dan maklumat sedemikian yang diperlukan untuk membolehkan Pembeli untuk menyiapkan Barang itu sendiri, atau meminta pihak ketiga untuk menyiapkan Barang tersebut. Tertakluk kepada fasal 14, Pembeli tidak mempunyai hak untuk mengguna reka bentuk, dokumentasi dan maklumat yang diperuntukkan bawah klausu 12.2 ini untuk sebarang tujuan selain daripada penyiapan Barang atau meminta pihak ketiga untuk menyiapkan Barang.
- 12.3 Pembekal boleh menamatkan Kontrak dalam keadaan-keadaan berikut sahaja dan sebarang hak yang Pembekal mungkin ada untuk menamatkan atau membatalkan Kontrak bawah undang-undang (termasuk dengan penerimaan peringkaran oleh Pembeli) dengan ini dikecualikan:
- (a) sekiranya Pembeli mengalami Peristiwa Insolvensi; atau
 - (b) sekiranya Pembeli tidak mematuhi sebarang kewajipan untuk membuat sebarang bayaran bawah Kontrak dan pelanggaran sedemikian berterusan untuk selama tempoh masa 90 hari dari tarikh Pembeli menerima notis yang bertulis daripada Pembekal yang memaklumkan Pembeli bahawa pembayaran telah terlambat, dengan syarat jumlah bayaran tidak dipertikaikan antara Pihak-pihak.

13. RAHSIA

- 13.1 Tertakluk kepada fasal 13.2, setiap Pihak bersetuju untuk memegang rahsia sebarang Maklumat yang diperolehi olehnya secara langsung atau tidak langsung daripada Pihak yang lain (atau Syarikat-Syarikat Sekutu Pihak yang lain) dan bersetuju:
- (a) untuk melindungi Maklumat dengan tahap penjagaan yang sama yang digunakan untuk melindungi Maklumatnya sendiri (yang tidak kurang daripada tahap penjagaan yang munasabah);
 - (b) tidak menggunakan Maklumat selain untuk tujuan Kontrak.
- 13.2 Peruntukan fasal 13.1:
- (a) tidak terpakai untuk Maklumat yang:
 - (i) sudah berada dalam domain awam;
 - (ii) diterima daripada pihak ketiga yang tidak mempunyai kewajipan untuk tidak mendedah;
 - (iii) dikehendaki untuk dihasilkan oleh pihak berkuasa yang sah di sisi undang-undang; atau
 - (iv) sudah diketahui oleh Pihak yang menerima pada masa penerimaan;
 - (b) tidak akan menghalang mana-mana Pihak daripada pendedahan Kontrak dan maklumat kewangan yang berkenaan dengan perniagaan antara Pihak-pihak kepada juruaudit, penasihat undang-undang, penanggung insurans dan akauntan yang dilantik;
 - (c) tidak akan menghalang mana-mana Pihak daripada pendedahan Maklumat kepada subkontraktor-subkontraktor dan pembekal-pembekal hanya kepada tahap yang diperlukan sahaja bagi tujuan pembekalan Barang; dan
 - (d) tidak akan menghalang Pembeli daripada pendedahan Maklumat kepada Syarikat-syarikat Sekutunya.

13.3 Setiap Pihak akan bertanggungjawab untuk memastikan peruntukan-peruntukan fasil 13 ini dipatuhi oleh mana-mana pihak ketiga yang telah diberi pendedahan kepada Maklumat mengikut fasil 13 ini.

14. HAK-HAK HARTA INTELEK

14.1 Tertakluk kepada fasil 12.2 dan 14.2, tiada Pihak akan memperolehi sebarang hakmilik, hak atau kepentingan dalam atau kepada sebarang IPR yang dipunyai atau dilesen kepada Pihak yang lain atau yang dibangunkan oleh Pihak yang lain yang berkenaan dengan Barang.

14.2 Semua IPR (termasuk sebarang IPR dalam mana-mana teknologi, produk, proses, kaedah perniagaan atau kaedah pengilangan) yang baru yang dicipta oleh Pembekal, pembekalnya, subkontraktornya atau ejennya akibat penggunaan, pembangunan atau pengubahsuaiannya sebarang Maklumat yang diberi oleh Pembeli akan diberi dan menjadi harta mutlak Pembeli. Pembekal akan memindah, atau akan memastikan pemindahan, sebarang IPR tersebut yang dicipta kepada Pembeli dengan jaminan hakmilik yang penuh dan Pembekal akan:

- (a) mengambil semua tindakan yang diperlukan, atau akan memastikan tindakan yang diperlukan diambil, (termasuk penandatanganan sebarang dokumen) untuk memastikan bahawa IPR tersebut diberi secara penuh kepada Pembeli dengan segera pada masa penciptaan; dan
- (b) memastikan bahawa pekerja-pekerja dan kontraktor-kontraktornya (dan pekerja-pekerja dan kontraktor-kontraktor pembekalnya) mengenepikan sebarang hak moral dalam atau berkenaan dengan sebarang kerja yang berkaitan dengan IPR dan akan atas permintaan memberi Pembeli bukti yang bertulis tentang pengenepikan tersebut.

14.3 Pembekal tidak akan menggunakan, mengeksplotasi, membangun, memindah atau melesen sebarang IPR yang dicipta akibat kerja yang dijalankan bawah atau bersehubungan dengan Kontrak atau sebarang IPR yang dipunyai, atau diberi kepada Pembekal oleh Pembeli, untuk sebarang tujuan selain daripada untuk memenuhi kewajipannya kepada Pembeli bawah Kontrak ini.

14.4 Pembekal akan menanggung kerugian Pembeli dengan sepenuhnya terhadap sebarang kerugian yang dialami oleh Pembeli akibat daripada sebarang tuntutan bawah pemilikan, penggunaan, pengeksplotasi atau pemberkian oleh Pembeli, atau mana-mana pengguna akhir, Barang tersebut melanggar IPR pihak ketiga. Fasal 14.4 ini tidak terpakai di mana tuntutan pihak ketiga adalah secara langsung dan tidak dapat dielakkan akibat daripada penggunaan oleh Pembekal IPR yang disediakan kepada Pembekal oleh Pembeli.

15. PEMATUHAN UNDANG-UNDANG

15.1 Pembekal akan, pada setiap masa:

- (a) mematuhi semua Undang-undang yang terpakai dan mendapat, mengekal dan mematuhi semua kelulusan-kelulusan pengawalan yang bersehubungan dengan pembekalan Barang;
- (b) sama ada memaklumkan Pembeli sebarang sekatan atau peruntukan yang wujud berkenaan dengan sebarang kelulusan pengawalan yang diberi bersehubungan dengan pembekalan Barang atau yang wujud bawah sebarang Undang-undang atau mengesah secara bertulis bahawa tiada sekatan sedemikian terpakai; dan
- (c) memberi Pembeli sebarang maklumat yang semunasabahnya diminta oleh Pembeli dan sebarang maklumat yang ia tahu atau sepatutnya tahu bahawa Pembeli akan atau mungkin perlu untuk mematuhi atau mengurus kewajipannya bawah mana-mana Undang-undang.

16. INSURANS

16.1 Pembekal akan mengambil dan mengekal liabiliti insurans liabiliti awam dan produk dengan tahap ganti rugi yang minimum sebanyak RM 5,000,000 (atau bersamaan dalam mata wang tempatan) atau dua puluh kali ganda nilai pesanan, yang mana nilainya lebih tinggi, bagi setiap tuntutan. Insurans tersebut akan beroperasi atas dasar 'tuntutan yang berlaku', mesti termasuk ganti rugi kepada fasil prinsipal, mesti termasuk perlindungan bagi liabiliti berkenaan dengan kecederaan peribadi dan kerosakan kepada harta dan mesti dikekalkan oleh Pembekal sehingga Tempoh Jaminan yang berkenaan dengan semua Barang yang Dihantar bawah Kontrak ini berakhir.

16.2 Sijil-sijil insurans yang boleh diterima oleh Pembeli mesti disediakan oleh Pembekal kepada Pembeli atas permintaan.

16.3 Sekiranya Pembekal gagal mengambil atau mengekal sebarang insurans yang diperlukan oleh fasil 16 ini, Pembeli boleh membeli insurans itu sendiri dan Pembekal akan menanggung kos tersebut.

17. ETIKA

17.1 Pembekal akan pada setiap masa mematuhi Kod Tatalaku Pembekal Rotork, sesalinan yang boleh dijumpai di <http://www.rotork.com/en/about-us/index/codeofconduct> dan boleh didapati atas permintaan. Pembekal, akan atas permintaan, memberi Pembeli sebarang maklumat yang Pembeli dengan semunasabahnya perlu untuk memberi jaminan kepada dirinya bahawa Pembekal mematuhi Kod Tatalaku tersebut.

17.2 Pembekal memberi jaminan kepada Pembeli bawah, pada Tarikh Berkuatkuasa dan secara berterusan, Pembekal atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Pembekal telah memberi, atau bersetuju atau berjanji untuk memberi, sebarang kelebihan kewangan atau kelebihan yang lain, kepada atau untuk faedah mana-mana orang yang lain untuk memperoleh atau mempengaruhi penganugerahan Kontrak atau untuk memberi ganjaran untuk sebarang perbuatan atau keputusan mana-mana wakil Pembeli yang berkaitan dengan penganugerahan atau rundingan Kontrak.

18. PELBAGAI

18.1 Tertakluk kepada fasil 2, sekiranya terdapat percanggahan peruntukan, susunan keutamaan yang berikut akan terpakai:

- (a) sebarang peruntukan yang dinyatakan secara tersurat (bukan dirujuk kepada) dalam Pesanan;
- (b) GCP ini; dan
- (c) sebarang dokumen yang lain yang dirujuk dalam Pesanan atau GCP ini.

- 18.2 Hak-hak setiap Pihak boleh dilaksanakan seberapa kerap yang diperlukan, adalah kumulatif dan boleh diketepikan hanya secara bertulis dan khusus. Ketidakpelaksanaan, atau kelewatan dalam pelaksanaan sebarang hak bukan pengenepian hak itu.
- 18.3 Sebarang notis yang diberi kepada Pihak bawah atau bersehubungan dengan Kontrak akan dihantar melalui e-mel ke titik hubung yang biasa atau kanan Pihak tersebut. Sekiranya tiada alamat e-mel yang diketahui untuk titik hubung yang biasa atau kanan Pihak tersebut atau sekiranya e-mel dikembalikan sebagai tidak dapat dihantar (atau Pihak yang menghantar notis itu diberi kesedaran dalam tempoh masa 12 jam bawah e-mel tersebut tidak akan sampai penerima yang diniatkan), notis-notis akan diposkan melalui pos berdaftar kepada Pihak yang lain di pejabatnya yang berdaftar atau tempat utama perniagaannya, dialamatkan kepada ketua kontrak Pihak yang lain. Notis-notis yang dipos akan dianggap diterima tidak lewat daripada 96 jam selepas pengeposan antarabangsa atau 48 jam selepas pengeposan tempatan.
- 18.4 Tiada sebarang jua dalam Kontrak akan: membentuk suatu perkongsian atau usaha sama antara Pihak-pihak; membentuk mana-mana Pihak sebagai ejen kepada Pihak yang lain; atau mewujudkan sebarang kewajipan amanah antara Pihak-pihak dan Pihak tidak akan: mewakili dirinya sebagai ejen atau rakan kongsi Pihak yang lain; atau membuat apa-apa (atau tidak membuat apa-apa) yang mungkin menyebabkan mana-mana orang mempercayai bahawa Pihak tersebut mempunyai kuasa untuk mengikat janji atau membuat komitmen bagi pihak, atau atas nama, Pihak yang lain.
- 18.5 Kontrak membentuk keseluruhan perjanjian antara Pihak-pihak berkenaan dengan Barang. Tiada Pihak telah meletakkan sebarang pergantungan pada sebarang perwakilan yang dibuat sebelum Tarikh Berkuatkuasa, sama ada secara lisan atau secara bertulis, yang bersehubungan dengan penyediaan Barang selain daripada yang telah dimasukkan atau dinyatakan dalam Kontrak. Fasal ini tidak terpakai kepada sebarang perwakilan yang dibuat secara menipu.
- 18.6 Pembekal tidak akan memberi atau memindah hak-hak atau kewajipan-kewajipannya bawah Kontrak.
- 18.7 Sekiranya sebarang peruntukan Kontrak adalah, atau menjadi, salah di sisi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan dalam mana-mana negara berkenaan dengan mana-mana Pihak, ini tidak akan menjadikan peruntukan-peruntukan yang selebihnya tidak sah atau menjelaskan, kesahan, kesahihan atau penguatkuasaan peruntukan tersebut atau sebarang peruntukan yang lain dalam mana-mana negara yang lain.

19. KEWAJIPAN BERTERUSAN

Fasal 1, 2, 4.5, 4.6, 6, 7, 8, 12.2, 13, 14, 15, 17, 18, 19, 20 Kontrak akan berterusan selepas penamatan atau pengakhiran tempoh Kontrak dan peruntukan-peruntukan tersebut akan terus berkuat kuasa dengan sepenuhnya.

20. UNDANG-UNDANG DAN BIDANG KUASA

- 20.1 Kontrak dan sebarang kewajipan-kewajipan bukan kontrak yang timbul dari atau bersehubungan dengan Kontrak, akan ditadbir dan ditafsir mengikut undang-undang Malaysia. Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Jualan Barangan Antarabangsa bertarikh 11 April 1980 tidak terpakai pada Kontrak.
- 20.2 Sebarang pertikaian yang timbul dari atau bersehubungan dengan Kontrak, sama ada timbul dalam kontrak, tort, hak dalam menurut keadilan, untuk pelanggaran undang-undang yang berkanan atau sebaliknya, akan diselesaikan mengikut Kaedah-kaedah Mahkamah Timbang Tara Antarabangsa Dewan Perniagaan Antarabangsa ("**ICC**"). Tempat dan lokasi timbang tara sedemikian adalah di Kuala Lumpur dan bahasa penimbangtaraan itu ialah Bahasa Inggeris. Seorang penimbang tara akan dipilih dan dilantik oleh Pihak-pihak, kecuali di mana:
- (a) pertikaian itu melibatkan jumlah yang melebihi RM 10,000,000 atau bersamaan (tidak termasuk kos-kos dan yuran-yuran); atau
 - (b) Pihak-pihak tidak dapat dalam tempoh masa 30 hari bersetuju atas identiti penimbang tara, di mana tiga penimbang tara akan dilantik. Dalam keadaan sedemikian, setiap Pihak akan melantik seorang penimbang tara dalam tempoh masa 30 hari selepas memberi atau menerima tuntutan untuk timbang tara (atau kegagalan untuk bersetuju dengan identiti penimbang tara bawah subfasal (b) di atas), dan kedua-dua penimbang tara yang dilantik akan bersama-sama melantik penimbang tara yang ketiga. Sekiranya kedua-dua penimbang tara gagal melantik penimbang tara yang ketiga dalam tempoh masa 30 hari, maka ICC akan membuat pelantikan tersebut. Fasal ini tidak mengehadkan hak mana-mana Pihak pada bila-bila masa untuk meminta langkah-langkah perlindungan sementara di mana-mana mahkamah yang bersesuaian. Pemeliharaan hak yang sedemikian tidak akan ditafsir sebagai pengenepian atau batasan bagi persetujuan mana-mana Pihak untuk menimbang tara.

JADUAL 1: TAFSIRAN

1. TAFSIRAN

1.1 DEFINISI

"Syarikat-syarikat Sekutu" bermaksud mana-mana orang, mana-mana orang lain yang berada dalam Kawalan, atau Dikawal oleh, atau berada bawah Kawalan yang sama dengan, orang tersebut.

"Kadar Dasar" bermaksud bagi tempoh 1hb Januari hingga 30hb Jun, kadar dasar Bank Negara Malaysia pada penutupan perniagaan pada 31hb Disember tahun lepas dan, bagi tempoh 1hb Julai sehingga 31hb Disember, kadar dasar Bank Negara Malaysia pada penutupan perniagaan pada 30hb Jun pada tahun yang sama.

"Pembeli" bermaksud entiti yang sah di sisi undang-undang yang mengeluarkan Pesanan kepada Pembekal.

"Harta Pembeli" bermaksud sebarang harta Pembeli yang Pembeli telah meminjam, menebus, menyerah atau membekal kepada Pembekal bersehubungan dengan Kontrak, termasuk sebarang perkakas atau peralatan.

"Pesaling" bermaksud sebarang entiti, atau sebarang Syarikat-syarikat Sekutu entiti, yang menawar atau membekal barang atau perkhidmatan dalam persaingan dengan apa-apa barang atau perkhidmatan yang ditawar atau dibekal oleh Pembeli atau sebarang Syarikat-syarikat Sekutu Pembeli.

"Kontrak" bermaksud Pesanan sebagaimana yang diterima oleh Pembekal, GCP ini dan sebarang terma dan syarat lain yang Pesanan dan GCP nyatakan secara tersurat akan terpakai pada pembekalan Barang.

"Kawalan" bermaksud kuasa, secara langsung atau tidak langsung, sama ada untuk: (a) mengundi 50% atau lebih sekuriti yang mempunyai kuasa mengundi yang biasa bagi pelantikan pengarah-pengarah (atau orang-orang yang melaksanakan fungsi yang serupa) orang tersebut; atau, (b) mengarah atau menyebabkan arahan pengurusan dan dasar orang tersebut, sama ada secara kontrak atau sebaliknya.

"Kecacatan" bermaksud ketidakpatuhan kepada jaminan dalam fasal 6.

"Barangan" bermaksud produk-produk atau barang-barang yang Pembekal telah bersetuju untuk bekal kepada Pembeli seperti yang dinyatakan dalam Pesanan.

"Penghantaran" bermaksud penghantaran Barang menurut fasal 3.1 dan "Menghantar" hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

"Tarikh Berkuahtkuasa" bermaksud tarikh Kontrak dimeterai oleh Pihak-pihak.

"Peristiwa Force Majeure" bermaksud suatu peristiwa di luar kawalan Pembekal dan tidak praktikal bagi Pembekal untuk mencegah dengan mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah.

"GCP" bermaksud dokumen ini dan kandungan-kandungannya.

"Maklumat" bermaksud sebarang maklumat komersial, kewangan, teknikal atau operasi, kepakaran, rahsia perdagangan atau maklumat lain atau dalam milik Pihak dalam sebarang bentuk atau medium (termasuk semua data, kepakaran, pengiraan, reka bentuk, lukisan, sistem, penjelasan dan demonstrasi) yang telah atau mungkin didedahkan atau disediakan kepada Pihak yang lain, sama ada secara lisan atau secara bertulis, elektronik atau bentuk lain, termasuk sebarang salinan atau pengeluaran semula maklumat sedemikian dalam sebarang bentuk atau medium, dan mana-mana bahagian atau bahagian-bahagian maklumat tersebut, termasuk peruntukan-peruntukan dan perkara Kontrak dan sebarang perjanjian atau dokumen yang lain yang dilaksanakan oleh Pihak-pihak bersehubungan dengan Kontrak.

"Peristiwa Insolvensi" bermaksud di mana seseorang (a) dianggap sebagai atau menyatakan bahawa ia tidak solven, (b) tertakluk kepada sebarang jenis ketidaksolvenan atau prosiding kehakiman atau pentadbiran yang kolektif, termasuk prosiding sementara, di mana asset-asetnya adalah tertakluk kepada kawalan atau pengawasan oleh mana-mana mahkamah atau entiti kerajaan yang lain untuk tujuan pembubaran atau menyusun semula orang tersebut atau asset-asetnya, (c) bercadang untuk masuk atau memasuki sebarang komposisi atau pengaturan dengan pemutang-pemutangnya secara am atau mana-mana kelas pemutang, (d) menggantung atau mengisyihar dalam tulisan niatnya untuk menggantung bayaran kepada pemutang secara am atau mana-mana kelas daripadanya, atau menggantung atau memberhentikan semua atau sebahagian besar perniagaannya, (e) sebarang langkah yang lain diambil untuk menguatkuasa sebarang bebanan ke atas semua atau sebahagian aset-aset dan / atau perjanjian orang tersebut, atau (f) mengambil langkah-langkah, atau tertakluk kepada tindakan-tindakan, yang sama seperti yang dinyatakan dalam (a) hingga (e) di atas.

"IPR" bermaksud paten, reka bentuk yang berdaftar, cap dagangan, cap perkhidmatan (dalam setiap kes sama ada berdaftar atau tidak), nama domain, hak cipta, hak reka bentuk, hak pangkalan data, hak moral, rahsia perdagangan, kepakaran, tag-tag meta, paten-paten kecil, model utiliti dan semua hak-hak harta yang sama atau bersamaan termasuk hak-hak yang sambung wujud di mana-mana bahagian dalam dunia ciptaan, reka bentuk, lukisan, program komputer, nama perniagaan, alamat IP, nama baik, 'get-up' dan cara dan penyampaian barang atau perkhidmatan dan dalam pemohonan untuk perlindungan dan sebarang kesinambungan, pengeluaran semula atau pembahagian yang berkaitan dengannya di mana-mana bahagian dunia.

"Undang-undang" bermaksud semua undang-undang, peraturan, undang-undang kecil, ordinan, undang-undang subordinat dan undang-undang yang lain yang terpakai (tanpa mengira sumbernya), termasuk sebarang tafsiran kehakiman atau pentadbiran undang-undang, peraturan, undang-undang kecil, ordinan, undang-undang subordinat dan undang-undang yang lain yang terpakai yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

"Pesanan" bermaksud pesanan pembelian, perjanjian penjadualan atau sebarang bentuk dokumen pembelian yang lain yang dikeluarkan oleh Pembeli yang memasukkan GCP ini melalui rujukan.

"Pihak-pihak" bermaksud Pembeli dan Pembekal; dan "Pihak" bermakna salah seorang daripada mereka.

"Arahan Pembetulan" bermaksud seperti yang dinyatakan dalam fasal 7.1.

"Tarikh Penghantaran Yang Dijadualkan" bermaksud seperti yang dinyatakan dalam fasal 3.2.

"Kepentingan Sekuriti" bermaksud sebarang cagaran, gadaian, jaminan, bebanan, lien, hak untuk menolak, penyerahan hak, hipotekasi atau sebarang pengaturan atau perjanjian yang lain yang mempunyai kesan pemberian sekuriti.

"Pembekal" bermaksud entiti yang menerima Pesanan.

"Tempoh Jaminan" bermaksud tempoh masa yang dinyatakan secara tersurat dalam Pesanan sebagai 'tempoh jaminan' untuk Barang atau, sekiranya tiada tempoh masa yang ditetapkan dalam Pesanan itu, tempoh masa 24 bulan dari Penghantaran Barang.

1.2 **Pentafsiran**

(a) Dalam GCP ini, melainkan konteksnya memerlukan yang sebaliknya, sebarang rujukan kepada:

- (i) "termasuk", bermaksud "termasuk, tanpa batasan";
- (ii) "hari" merujuk kepada hari kalendar.